

# Seminar Batu Bersurat

**S**EMINAR Batu Bersurat Piagam Terengganu 2012 akan diadakan di Dewan Batu Bersurat, Kompleks Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu, pada 25 dan 26 Mac ini.

Antara kertas kerja yang dibentangkan ialah Proses Islamisasi Asia Tenggara dalam Konteks Batu Bersurat Terengganu oleh Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman.

Persoalan batu bersurat dengan Islam dan sejarah turut disorot Nor Adina Abd Kadir dari Universiti Malaya (UM) yang memperkatakan Batu Bersurat Terengganu: Penilaian Dari Sudut Sejarah; Pensyarah Universiti Malaya (UM), Dr Rahimin Affandi Abd Rahim (Batu Bersurat Terengganu: Penilaian Terhadap Konsep Kearifan Tempatan Melayu-Islam) oleh (Universiti Malaya) dan Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohamad Alinor Abdul Kadir (Batu Bersurat Terengganu Dan Kaitan Sejarah Sezamannya).

Dalam konteks persuratan dan kajian manuskrip pula, Pensyarah Akademi Pengajian Islam (API) UM, Dr Ahmad Faisal Abd Hamid menyorot Batu Bersurat Terengganu: Penilaian Terhadap Persuratan Islam di Alam Melayu,

manakala Pensyarah UPM, Dr Adi Yasran Abd Aziz (Sumbangan Batu Bersurat Terengganu dan Manuskrip Terawal di Nusantara terhadap Tulisan Jawi dan Perbendaharaan Kata).

Seminar itu turut melihat Batu Bersurat Terengganu dalam konteks sains dan matematik seperti kertas kerja Batu Bersurat Terengganu: Perluasan Model Segitiga Dalam Kajian Digital Paleografi Jawi oleh Prof Dr Khairuddin Omar dari UKM; Analisis Komposisi Batu Bersurat secara 'In Situ' menggunakan Teknologi Nuklear (Dr Jaafar Abdullah, Agensi Nuklear Malaysia) dan Unsur Matematik dalam Batu Bersurat Terengganu dan Manuskrip Kerinci: Satu Perbandingan (Datuk Abd Razak Salleh, UKM).

Kertas kerja lain ialah Kerangka Transliterasi Digital Teks Jawi pada Batu Bersurat Terengganu oleh Che Wan Shamsul Bahri Che Wan Ahmad dari UKM dan Batu Bersurat Terengganu: Penilaian terhadap Konsep Ummah Islam di Alam Melayu (Dr Zaffary Ismail -UKM).

Yuran penyertaan jabatan ialah RM150; individu (RM100) dan pelajar serta universiti (RM50), manakala maklumat lanjut hubungi Azuan Harun di talian 012-9290152; Wan Anuar Khusyairie W Mamat @ W Mansor (019-9398101) atau Sharifah Nazihah Syed Ahmad Marzuki (014-8342657).